

15 JUN 1999
Abdullah-Umno
UMNO HARUS LAHIRKAN IMEJ BARU

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Umno harus melahirkan satu imej baru supaya pemimpin mudanya lebih mendekati rakyat bawahan, orang profesional, remaja Melayu dan pelajar-pelajar, kata Duta Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tan Sri Abdullah Ahmad.

Dengan cara itu, katanya, anggapan yang dicanang oleh penentang Umno kononnya parti itu di bawah kepimpinan sekarang ialah untuk orang tertentu sahaja, dapat diperbetulkan.

Walaupun ada anak muda beranggapan sedemikian, namun rakyat tidak seharusnya terpengaruh dengan dakyah itu, kata beliau pada ceramah khas bertajuk "Pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (1981-1999): Cabaran Dalam dan Luar Negara" di sini hari ini.

"Apapun sebabnya, Umno harus menekankan dasarnya di samping teknologi maklumat dan ekonomi kepada pembangunan sosial di desa," kata Abdullah.

Menurutnya, Umno perlu menghalakan semula perjuangan dan matlamat perjuangan itu ke arah objektif asalnya iaitu sebagai payung kepada semua orang Melayu-Bumiputera dan juga memimpin serta melindungi semua bangsa.

Katanya, Umno harus kembali secara serius kepada ketika mula-mula Dr Mahathir membentuk kerajaannya pada 1981 yang bertemakan bersih, cekap dan amanah.

"Kalau kita jujur dan percaya kepada kritikan ke atas diri sendiri, Umno dan pucuk kepimpinan mesti secara segera cuba kembalikan keyakinan pengundi termasuk ahli parti tentang beberapa individu dalam pucuk kepimpinan parti.

"Saya lihat kecaman tidak banyak kepada Umno sebagai parti tetapi sebaliknya ke atas tubuh badan dan personaliti tertentu," katanya.

Abdullah berkata Umno dan Dr Mahathir kukuh namun begitu kedua-duanya menghadapi beberapa cabaran yang harus diatasi, dan paling minimum, diperbaiki segera sebelum pilihan raya umum akan datang.

"Umno dan Dr Mahathir mesti menang dan akan menang kerana kedua-duanya mempunyai kemampuan besar dan Umno sebuah parti yang pragmatik dan fleksibel dan ia tahu apa yang mesti dilakukan jika mahu terus hidup dan berkuasa," katanya.

Beliau juga berkata orang Melayu dan bukan Melayu akan terus menyokong Umno walaupun pada zahirnya parti-parti pembangkang nampak paling "sibuk".

"Kalau Umno hilang kuasa, Melayu akan hilang kuasa buat selama-lamanya, sejarah Melayu Singapura akan berulang di tanah besar Semenanjung.

"Tugas Dr Mahathir dan kewajipan terbesar Umno ialah bagi membunuh harapan keterlaluan parti-parti pembangkang dan menaikkan harapan Umno dan komponen parti Barisan Nasional lain," katanya.

Abdullah berkata Pas dan Keadilan hanya akan diperalatkan oleh DAP.

-- BERNAMA
ARA MAI